

SKIM PEMBIAYAAN KOPERASI

- Skim Pembiayaan Peribadi
- Skim Pembiayaan Pengguna
- Skim Pembiayaan Kenderaan
- Skim Pembiayaan Umrah & Pelancongan
- Skim Pembiayaan Pendidikan
- Skim Penjadualan Semula
- Skim Pembiayaan Kecemasan
- Skim Pembiayaan Tunai Segera
- Skim Pembiayaan Insurans Cukai Jalan & Tayar
- Skim Pembiayaan Rawatan Mata
- Skim Pembiayaan Kembali Ke Sekolah
- Skim Pembiayaan Barang Kemas

SKIM PERLINDUNGAN

- Skim Etiqa Takaful Mutiara
- Skim MCIS Ikhtiari
- Skim Pelindungan Hospital Great Eastern
- Tabung Khairat Kematian
- Tabung Perlindungan Pembiayaan



www.koopnstp.my




Koperasi New Straits Times Malaysia Berhad



koperasi@mediaprima.com.my



Koperasi New Straits Times Press (Malaysia) Berhad



"Maju Koperasi Anggota Bahagia"

31, Jalan Riong, 59100 Kuala Lumpur

Tel : 03-2282 4647

Faks : 03-2282 6334

LATAR BELAKANG

Koperasi NSTP telah ditubuhkan pada 11 Disember 1967. Ketika itu wang caruman dan keuntungan yang diperolehi hanya **RM11,250** dengan anggota seramai **357 orang** sahaja.

Koperasi NSTP telah berkembang pesat semenjak itu, dan kini mempunyai anggota seramai **3000 orang** dan masih menerima sambutan yang menggalakkan daripada pekerja-pekerja The New Straits Press (M) Berhad & Media Prima Berhad.

Modal caruman ketika ini telah melepas 12 juta dicampur dengan keuntungan saham-saham yang dimiliki dalam pasaran dan harta, nilai Koperasi dianggarkan 14 juta. Dividen yang anggota perolehi sangat menggalakkan pada tahun-tahun yang lepas.

Dengan pertumbuhan anggota yang menggalakkan da masa depan Koperasi terjamin melalui pimpinan dan pengurusan yang bertanggungjawab, Koperasi NSTP telah dan sedang mengorak langkah yang berasas dan dinamis semoga setiap anggota akan menerima hasil yang berpatutan dan terus maju dalam masyarakat madani yang serba boleh. Koperasi juga sedang giat menguruskan beberapa skim untuk kemudahan dan kesejahteraan anggota ketika ini dan dari semasa kesemasa, selaras dengan slogan "**Maju Koperasi Anggota Bahagia**"

Rebutlah peluang ini!

**MEMAJUKAN KOPERASI
DEMI KEBAHAGIAAN BERSAMA**

VISI

Menjadi pusat kewangan setempat atau "One Stop Financial Centre" bagi memenuhi kewangan anggota.

MISI

Memberi kemudahan terbaik kepada anggota melalui skim-skim pinjaman, tabungan serta insurans.

OBJEKTIF KOPERASI

- Menggalakkan Simpanan
- Memberi Pinjaman
- Meningkatkan Taraf Hidup
- Jaminan Kepada Anggota

KELAYAKAN MENJADI ANGGOTA

Keanggotaan Koperasi ini terbuka kepada pekerja-pekerja dan bekas pekerja-pekerja syarikat berikut

- (a) Syarikat dan bekas syarikat Kumpulan Media Prima Berhad;
- (b) Syarikat dan bekas syarikat Kumpulan The New Straits Times Press (M) Berhad;
- (c) Koperasi New Straits Times Press (Malaysia) Berhad.
- (d) Rakan perniagaan syarikat (a) sehingga (c) serta keluarga mereka

KENAPA ANDA MESTI SERTAI KOPERASI

Caj pinjaman yang **RENDAH** berbanding Institusi lain (<10%)

Caruman anda akan **DIKEMBALIKAN** setelah menarik diri daripada keanggotaan.

Dengan hanya caruman minima **RM180** anda layak menikmati sebarang perkhidmatan di Koperasi.

CARUMAN MINIMA

- Potongan serendah **RM50** sahaja menerusi potongan gaji
- Potongan gaji dilakukan oleh majikan anda **setiap bulan**

AKTIVITI

- Skim Pembiayaan
- Ar-Rahnu X'Change
- Insurans
- Runcit
- Pelancongan